



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**KENYATAAN MEDIA
TUAN HAJI MOHD FAZARI BIN MOHD SALLEH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (STRATEGIK)
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**LAPORAN AKHBAR KOSMO 27 DISEMBER 2017 BERKENAAN
REMAJA DIPUKUL, DICEKIK, DITUMBUK**

PUTRAJAYA, 27 Disember - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ingin merujuk kepada laporan akhbar **Kosmo!** bertarikh 27 Disember 2017 (Rabu), dan juga laporan-laporan daripada akhbar-akhbar lain hari ini berkenaan seorang remaja yang telah didera setelah mengadu kepada seorang pelanggannya di pusat rawatan kesihatan. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menerusi Tuan Haji Mohd Fazari bin Mohd Salleh, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) menzahirkan rasa kesal atas kejadian yang menimpa remaja tersebut.

JKM telah mengambil tindakan menyasat kes ini melalui rujukan, dan mendapati remaja tersebut kini berada di Hospital Selayang bagi menjalani pemeriksaan dan rawatan perubatan yang selanjutnya.

JKM akan berbincang serta mendapatkan pengesahan daripada pegawai perubatan di Hospital Selayang bagi menentukan sama ada penderaan berlaku atau sebaliknya ke atas remaja itu, serta tindakan susulan yang akan ambil seterusnya. Sekiranya penderaan berlaku; JKM akan mendapatkan perintah sementara daripada pihak mahkamah bagi mendapatkan perlindungan sementara sama ada kepada orang yang layak dan sesuai, atau badan bukan kerajaan (NGO), atau rumah kanak-kanak di bawah JKM. Perintah penempatan sementara diambil selepas remaja yang didera itu selesai menjalani pemeriksaan dan rawatan perubatan. Perintah penempatan sementara tersebut bertujuan untuk membolehkan JKM menjalankan siasatan lanjut.

Semasa siasatan, laporan Pelindung akan disediakan bagi tujuan mendapatkan perintah tetap daripada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bagi penempatan remaja itu sama ada kepada orang yang layak dan sesuai, atau badan bukan kerajaan (NGO) atau rumah kanak-kanak di bawah JKM bagi satu tempoh masa yang ditetapkan oleh mahkamah. Di samping itu, JKM akan memastikan bahawa remaja tersebut akan mendapat perkhidmatan sokongan lain mengikut keperluannya seperti kaunseling dan bengkel interaktif.

Disediakan Oleh : Unit Perhubungan Awam
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat
Tel : 03-8323 1773
Faks : 03-8323 2086